

24 JAN 1997

DUA SYARIKAT DIBERI KONTRAK PROJEK TEBUS GUNA PANTAI

KANGAR, 24 Jan (Bernama) -- Projek menebus guna dan membangunkan kawasan pesisiran pantai Kuala Perlis yang akan menelan belanja RM2,000 juta mula dilaksanakan dengan termeterainya perjanjian kontrak pelaksanaannya hari ini.

Perjanjian itu melibatkan dua buah syarikat tempatan iaitu Silver Joy Holdings Sdn Bhd (Silver Joy) dan Aksi Harmoni Sdn Bhd (Aksi Harmoni). Upacara yang berlangsung di Pejabat Menteri Besar Perlis disaksikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Silver Joy diwakili oleh pengarah urusannya, William C.B. Ang manakala Aksi Harmoni oleh pengarah urusan Siti Rohani Abu Bakar.

Projek yang dilaksanakan secara penswastaaan di bawah projek tebusguna tanah pesisiran pantai seluas 2,600 hektar dari sempadan Thailand hingga ke Sanglang, di sempadan Kedah, dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2000.

Di bawah perjanjian itu, Silver Joy akan memajukan kawasan seluas 300 hektar antara Kuala Perlis dan Kuala Sanglang manakala Aksi Harmoni sebanyak 200 hektar di kawasan Sungai Berembang.

Menurut Ang fasa pertama projek itu akan bermula bulan depan membabitkan kerja-kerja menebusguna yang akan mengambil masa satu setengah tahun.

Manakala fasa kedua ditumpukan kepada kerja-kerja pembinaan kawasan perindustrian, komersil dan kondominium yang mengambil masa selama dua tahun, katanya.

Aksi Harmoni pula akan memulakan projeknya yang bernilai RM600 juta dalam masa dua bulan meliputi pembinaan kawasan industri, gudang dan kawasan komersil di samping pembinaan sebuah landasan terbang untuk pesawat ringan di Kurung Tengar.

Sebelum ini, 13 buah syarikat menanda tangani memorandum persefahaman untuk projek tebusguna tanah pesisiran pantai Perlis secara serentak yang disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan rasminya ke negeri ini pada April tahun lepas.

Bagaimanapun, tujuh syarikat menunjukkan minat yang mendalam dan sehingga ini tiga daripadanya telah menanda tangani kontrak dengan kerajaan negeri termasuk Pashacorp Sdn Bhd.

Empat syarikat lagi, iaitu Perlis Land Sdn Bhd, Kuala Dimensi Sdn Bhd, Hillmark Holdings Sdn Bhd dan Metro Synergy Sdn Bhd dijangka menanda tangani kontrak masing-masing bulan depan.

Sementara itu, Shahidan berkara semua syarikat yang diberi kontrak projek berkenaan perlu menjalankan kerja masing-masing dalam masa dua tahun selepas diberi kontrak atau menghadapi tindakan menarik balik tawaran daripada kerajaan negeri jika gagal berbuat demikian. -- Bernama

IQ SIA